

KEPIMPINAN UMNO PERLU DITUKAR - PM

UM - 6 AUG 1983

KELANA JAYA 5 Ogos - Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menegaskan, kepimpinan dalam UMNO perlu ditukar ganti dari masa ke semasa bagi membolehkan perjuangan parti diteruskan.

Bagaimanapun, kata Perdana Menteri, yang menjadi masalah ialah sungguhpun ramai pemimpin mempunyai kebolehan, tetapi ada kemungkinan pemimpin yang baru tidak begitu tahu sejarah perjuangan UMNO sendiri.

Perdana Menteri berkata demikian semasa berucap merasmikan Majlis Gerak Kerja Pergerakan Wanita UMNO Malaysia di Kompleks Jemaah Haji di sini.

Datuk Sri Dr. Mahathir berpendapat, setiap pemimpin mesti mengetahui latar belakang perjuangan UMNO terlebih dahulu agar asas perjuangan parti tidak diselewengkan.

Beliau memberi contoh bahawa terdapat beberapa buah parti di negara lain di dunia yang telah menukar corak perjuangannya berikutan dengan sikap pemimpin - pemimpin yang mementingkan diri sendiri.

Dalam hubungan ini, katanya, maklumat mengenai asal usul dan perjuangan UMNO perlu ditambah agar pemimpin - pemimpin memahaminya secara mendalam bagi memudahkan mereka menjalankan tugas ke arah pencapaian matlamat perjuangan UMNO sendiri.

Beliau juga memberitahu bahawa kerajaan kini sedang berusaha membangkitkan semangat mengisi kemerdekaan agar negara ini dapat bergerak cergas di samping meningkatkan taraf hidup rakyatnya agar tidak dipandang hina.

Untuk menjayakan usaha itu, tambahnya, sikap masyarakat mestilah diubah ke arah mengamalkan nilai - nilai hidup yang baik, sesuai dengan keadaan masa.

Menurutnya, ini telah mendorong kerajaan menggubal beberapa slogan bertujuan untuk memupuk semangat baru kepada semua pihak.

Bagaimanapun, tegasnya, slogan - slogan seperti Kepimpinan Melalui Tauladan bukan untuk dilautkan sahaja tetapi hendaklah diamalkan dan difahami oleh para pemimpin UMNO.

Katanya, adalah menjadi tanggungjawab besar para pemimpin parti memahami dan mengetahui dasar - dasar kerajaan untuk menentukan projek-projek yang dilaksanakan oleh kerajaan mencapai kejayaan yang membanggakan.

Bagi mengamalkan nilai-nilai hidup yang baik, tegas beliau lagi, semua pihak perlu mengorbankan diri dengan membelakangkan kepentingan diri sendiri semata - mata untuk faedah masyarakat.

"Mereka yang melakukan sesuatu untuk kepentingan diri sendiri akan mendapat nikmat juga, tetapi nikmat yang mereka peroleh adalah tidak kekal," kata Perdana Menteri.

Beliau berharap majlis gerak kerja Wanita UMNO itu dapat melahirkan pemimpin - pemimpin Wanita yang dinamis di samping memberi penjelasan mengenai soal-soal berhubung dengan pembangunan negara dan politik negara.

Perdana Menteri juga berpendapat bahawa pemimpin - pemimpin parti perlu menunjukkan kebolehan masing - masing membuat sesuatu jika mahu dihormati dan tidak mahu dipandang hina.

"Pendapat setengah golongan bahawa paksaan boleh mendorong sesuatu pihak menghormati kita sebenarnya tidak boleh membawa apa-apa makna," tegasnya lagi.

Perdana Menteri juga sempat menyaksikan pameran dan pertandingan kraftangan oleh Wanita - Wanita UMNO di pekarangan Kompleks Jemaah Haji setelah selesai merasmikan majlis itu.

Beliau diiringi oleh Datuk Sri Datin Paduka Dr. Siti Hasmah, Ketua Pergerakan Wanita UMNO Malaysia, Datin Paduka Hajah Aishah Ghani dan pemimpin UMNO yang lain.